



KENYATAAN MEDIA

UniMAP AKTIFKAN BILIK GERAKAN BENCANA

Kangar, 6 Januari – Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) hari ini telah mengaktifkan bilik gerakan bencana bertujuan untuk mengutip bantuan bagi membantu mangsa banjir yang sedang di Kelantan dan Terengganu.

Naib Canselor UniMAP, Datuk Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal berkata, bilik gerakan bencana akan beroperasi menyelaraskan kutipan sumbangan untuk disumbangkan kepada mangsa banjir di Kelantan dan Terengganu.

“Kita telah mula membuka bilik gerakan serta merta di Bilik Seminar Za,ba, Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (UKKP) UniMAP, Taman Pertiwi Indah.

“Kita mengalu-alukan sumbangan berbentuk wang tunai, makanan kering, beras, minyak masak, makanan dalam tin, air mineral serta barang keperluan harian seperti tuala, tuala wanita, lampin pakai buang, selimut, sabun, ubat gigi, berus gigi dan lain-lain keperluan yang bersesuaian,” katanya ketika ditemui, semalam.

Ujar beliau lagi, sekiranya ada pihak yang bermurah hati untuk menyumbang bantuan kepada mahsa banjir bolehlah menghubungi pegawai yang bertugas Norazam Abdul Rashid di talian **014-3961901 (Hotline - 24 jam) dan 04-9798411 (Pejabat)** atau datang sendiri di:

BILIK GERAKAN BENCANA UniMAP
No.2, Blok D, Taman Pertiwi Indah
Jalan Kangar - Alor Setar, Seriab
01000 Kangar, PERLIS

Dikeluarkan Oleh :

Mohd Basri Basir (mbasri@unimap.edu.my)

Penolong Pegawai Perhubungan Media UniMAP

Tel : 04-9798522 / 017-4567151